

20 FEB 1998

Mohamed-Konvensyen

AWASI PECAH DARI DALAM, KATA TOK MAT

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat berkata para pemimpin BN Sabah yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu sentiasa waspada terhadap faktor "pecah dari dalam" yang mungkin boleh mendatangkan kejatuhan.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata antara perkara yang perlu dielak oleh pemimpin negeri ini bagi mengelak "pecah dari dalam" ialah tidak mengecam pemimpin BN yang lain menerusi media massa.

"Janganlah dengan mudah membuat kecaman melalui akhbar. Akhbar memang suka cerita sensasi kerana ia menarik dan orang suka membacanya tetapi perbuatan itu boleh melemahkan kita," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Keadilan Untuk Semua" pada Konvensyen BN Negeri di sini hari ini.

Konvensyen sehari yang dihadiri kira-kira 2,000 anggota parti komponen BN itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN pagi ini.

Sambil mengingatkan bahawa dahulu Umno pecah dari dalam juga, Mohamed berkata para pemimpin harus mengambil iktibar daripada perjuangan pengasas Perikatan dan BN iaitu Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Abdul Razak yang mengutamakan perkongsian kuasa dan harta serta mengagungkan pengorbanan.

"Sebagai peringatan, saya mahu memetik kata-kata Tun Razak bahawa 'jangan terlalu bangga dengan kekuatan kita ini kerana kekuatan itu sendiri boleh melemahkan parti,'" katanya.

BN bagaimanapun akan terus wujud selagi ia memperjuangkan rakyat, kata beliau.

Katanya tidak dinafikan bahawa ada masalah dalam BN kerana barisan pemimpin sudah tentu mempunyai pandangan yang berbeza-beza tetapi para pemimpin hendaklah memastikan mereka tetap bersatu padu.

Mengenai tema konvensyen "Keadilan Untuk Semua", Mohamed berkata siapa juga yang menjadi ketua kerajaan di Sabah hendaklah memastikan bahawa semua kaum mendapat layanan yang adil.

Katanya dalam hal ini Ketua Menteri sekarang Datuk Yong Teck Lee telah menjalankan tanggungjawab dengan sangat baik.

Suasana konvensyen menjadi riuh beberapa kali apabila wakil Pergerakan Pemuda Umno, Abdul Rahman Yaakub ketika mengulas kertas kerja Mohamed, mendakwa beberapa pemimpin atasan membolot pelbagai projek sehingga golongan lain merasa dipinggirkan.

"Menteri-menteri, pembantu-pembantu menteri, yang berhormat-yang berhormat dan pengerusi-pengerusi janganlah bolot semua, kita di bawah ini kerusipun tiada," katanya secara berjenaka dan disambut dengan tepukan oleh peserta.

Wakil-wakil parti komponen BN Negeri turut mengulas kertas kerja itu, manakala ucapan penggulungan dibuat oleh Yong yang juga pengerusi BN Negeri. -- BERNAMA

KG NMO